


Najib sakit mata

Perbicaraan 1MDB tangguh, Najib sakit mata kerana jerebu

KUALA LUMPUR

Mahkamah Tinggi di sini semalam menangguhkan perbicaraan Datuk Seri Najib Razak yang menghadapi pertuduhan berkaitan Malaysia Development Berhad (1MDB) ditangguh kerana bekas Perdana Menteri itu mendapat jangkitan konjunktivitis pada matanya.

Hakim Collin Lawrence Sequerah membenarkan permohonan peguam utama Najib, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah untuk menangguhkan perbicaraan atas alasan



Najib menghadapi kes menyalahgunakan kedudukan dan pengubahan wang haram membabitkan dana 1MDB.

perubatan dan juga kerana ia tidak dibantah oleh pasukan pendakwa.

"Yang Arif sekitar pukul 7.15 pagi ini (semalam), saya menerima panggilan daripada pelanggan saya dan juga isterinya, memaklumkan bahawa beliau disyaki mempunyai konjunktivitis di matanya akibat jerebu, beliau keluar malam sema-

lam (kelmarin).

"Pada masa ini, beliau masih berada di rumah. Pelanggan saya telah memaklumkan kepada saya bahawa beliau hanya dapat berjumpa pakar di Garden Mall pada jam 10.30 pagi. Jadi, kemudian saya akan menyerahkan salinan chit perubatan, saya menjangka sekurang-kurangnya hari

ini atau esok beliau akan bercuti sakit," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya Datuk Seri Gopal Sri Ram tidak membantah permohonan itu dan berkata mereka akan menunggu laporan perubatan tersebut.

Hakim Sequerah menetapkan jika tertuduh mendapatkan cuti sakit hanya satu hari, prosiding itu akan disambung semula hari ini.

"Jika cuti sakit diberikan selama dua hari, pendengaran kes akan disambung semula Selasa depan," katanya.

Ini merupakan kali kedua perbicaraan Najib ditangguhkan kerana bekas Perdana Menteri itu mendapat jangkitan konjunktivitis pada matanya.

Kali pertama pada 14 Ogos lalu sewaktu pendengaran kes SRC International. - *Bernama*